

Syeikh Abdullah Basmeih bin Muhammad Basmeih: Kajian Terhadap Mastika¹ Hadis²

Oleh: Mohd Farid Ravi Abdullah

(Institut Kajian Hadis, KUIS)

PENGENALAN

Selain mentafsir al-Quran al-Karim Sheikh Abdullah Basmieh juga giat menghasilkan kitab hadis yang menjadi nadi kepada al-Quran al-Karim. Menyedari akan kepentingan kedudukan hadis selepas al-Quran, Sheikh Abdullah Basmeih menghabiskan baki usianya untuk berkhidmat memasyarakatkan sunnah Rasulullah SAW. Para ulama telah mentakrifkan hadis dengan ucapan, perbuatan dan perakuan Nabi saw melalui jalan riwayat yang sahih. Ulama Islam sepakat menyatakan bahawa al-Quran hendaklah ditafsirkan dengan hadis-hadis Rasulullah SAW yang sahih yang merupakan dua beradik kembar yang tidak mungkin dipisahkan. Firman Allah s.w.t:

﴿يَتَفَكَّرُونَ وَلَعَلَّهُمْ إِلَيْهِمْ نُزِّلَ مَا لِلنَّاسِ لِيُبَيِّنَ الذِّكْرَ إِلَيْكَ وَأَنْزَلْنَا وَالزُّبُرِ بِالْيَتَنَّبِتِ﴾

Bermaksud: “... dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan supaya engkau menerangkan kepada manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya.”³

Allah SWT berfirman lagi:

﴿لَمْ يَأْمُرْكُمْ بِالْحِكْمَةِ وَالِاتِّقَاتِ وَيُعَلِّمُكُمْ وَيُزَكِّيَكُمْ ءَايَاتِنَا عَلَيْكُمْ يُتْلُوا مِنْكُمْ رَسُولًا فِيكُمْ أَرْسَلْنَا كَمَا

﴿تَعْلَمُونَ تَكُونُوا﴾

Maksudnya: “Samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul daripada kalangan kamu (Muhammad SAW), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan mengajarkan kamu kitab

¹ Maksudnya: (Mastika) Permata yang bernilai, rupa atau kelakuan atau perkataan yang baik, lihat Kamus Dewan, edisi keempat, Noresah Baharom, 2005, Dawama Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, hlm:1028.

² Dari sudut bahasa الحديث dan jamaknya أحاديث bermaksud baharu dan khabar (pemberitahuan). Ia adalah lawan bagi perkataan القديم lama. Dari sudut istilah: Ia adalah apa yang disandarkan kepada Nabi SAW sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat jasmani atau rohani, atau sesuatu yang disandarkan kepada sahabat atau tabiin daripada perkataan atau perbuatan. (Syed Abdul Majid Ghouri, *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadisyyah*, Dar Ibn Kathir, 2007, hlm: 303)

³ al-Nahl: 44

al-Quran serta hikmah (kebijaksanaan) dan mengajarkan kamu apa yang kamu tidak ketahui.”¹

Secara kesimpulannya, fahamlah kita bahawa tugas Rasulullah s.a.w adalah membimbing umat ini kejalan yang diredai oleh Pencipta. Untuk itu baginda berusaha menjelaskan tuntutan syariah berasaskan al-Quran dan turut menjelaskan persoalan-persoalan yang tidak diketemukan di dalam al-Quran, ini kerana baginda adalah *musyarri'* (yang mensyariatkan) perkara yang tidak ada dalam al-Quran².

Bagi masyarakat Malaysia yang beragama Islam membaca terjemahan al-Quran semata-mata pastinya tidak akan menemui pemahaman yang sempurna, ini kerana dalam banyak keadaan ayat-ayat al-Quran yang diterjemahkan masih sukar untuk difahami. Kegagalan memahami al-Quran bermaksud gagal memahami Islam dengan sepenuhnya.

Alhamdulillah, dengan adanya terjemahan kitab-kitab tafsir dari Bahasa Arab ke Bahasa Malaysia menjadi penawar bagi umat Islam dalam memahami *kalamullah*. Juga tidak ketinggalan sumbangan ulama nusantara dalam menyumbang karya-karya tafsir mereka, seperti Tafsir al-Azhar, karangan Pak Hamka, Tafsir Abr al-Ahtir oleh al-Marhum Syeikh Sonhadji (Meninggal 2010).

Namun demikian, ketiadaan karya-karya hadis dalam Bahasa Malaysia yang disusun dalam bentuk yang sistematik masih menjadi satu kekurangan yang sangat dirasai pada waktu itu. Menyedari hakikat ini maka Perdana Menteri ketika itu Tun Hj Abdul Razak Bin Datuk Husain telah mengarahkan BHEIS menerbitkan kitab hadis yang boleh membantu masyarakat Islam memahami Islam dengan lebih mendalam. Bagi merealisasikan tanggungjawab ini BHEIS telah meminta al-Marhum Syeikh Abdullah Basmieh menghasilkan kitab hadis yang menghimpun hadis-hadis Rasulullah saw yang kelak menjadi rujukan umat Islam di Malaysia. Amanah dan

¹ al-Baqarah: 151

² Lihat HAMKA, Tafsir al-Azhar, Pustaka Nasional PTE LTD, Singapura, 2007, jld:1, hlm: 345.

tanggungjawab ini telah digalas oleh Syeikh Abdullah Basmieh dengan penuh dedikasi dengan niat ingin terus menyumbang ilmu melalui hadis-hadis Rasulullah SAW. Maka terhasillah tiga jilid kitab Mastika Hadis yang telah sampai kepada seluruh masyarakat Islam di Malaysia.

BAHAGIAN A: BIOGRAFI SHEIKH ABDULLAH BASMEIH

1- Nama dan Keturunan

Nama penuh beliau ialah ^عAbdullah Basmeih bin Muhammad Basmeih¹. Ayah beliau Sheikh Muhammad Beameih bin Salleh. Basmeih berasal dari Hadramawt dan menetap di Mekah setelah Salleh Basmeih berhijrah ke sana. Manakala ibu beliau bernama Aisyah binti ^عAbdullah bin Hammad berbangsa arab yang berasal dari wilayah Bishah, Arab Saudi². Sebelum mengahwini Aisyah binti ^عAbdullah bin Hammad, Sheikh Muhammad Basmieh pernah berkahwin dengan seorang perempuan Melayu. Perkahwinan ini berlaku ketika Shiekh Mummad Basmeih ke tanah Melayu dan menjadi anak angkat kepada Cikgu Abdul Jalil yang tinggal di Melaka. Oleh kerana terlalu sayang kepada Syeikh Muhammad Basmeih cikgu Abdul Jalil mengahwinkannya dengan seorang perempuan Melayu dan memperolehi seorang anak perempuan. Walau bagaimanapun, beberapa bulan sekembalinya mereka ke Mekah, kedua-duanya telah meninggal dunia akibat demam panas. Selepas itu barulah ayah Muhammad Basmeih berkahwin dengan ibunya Aisyah binti Abdullah Hammad.

2- Kelahiran

Sheikh Abdullah Basmeih telah dilahirkan pada 29 Disember 1913³. Dalam catatan lain beliau dikatakan dilahirkan pada tahun 1915, ini kerana umur beliau sewaktu berhijrah ke Tanah Melayu pada tahun

¹ Basmeih atau asal sebutannya Basumaih, باسميح adalah di antara gelaran yang diberikan kepada golongan peniaga yang berasal dari Hadramawt, salah sebuah wilayah yang terletak di Yaman.

² Tanpa Pengarang, Kertas kerja Biodata Sheikh Abdullah Basmeih, t.t., Kuala Lumpur, JAKIM, hlm:1.

³ Tarikh yang dicatat di atas adalah berdasarkan kepada ingatan Abdullah Basmeih dan tidak ditulis di mana-mana sijil lahir.

1927 ialah 12 tahun¹. Beliau dilahirkan di kawasan bernama Ma'abdhah yang terletak berhampiran dengan Mekah. Beliau dibesarkan di bumi Mekah al-Mukarramah sehinggalah berhijrah ke Tanah Melayu selepas itu kerana mengikut bapa beliau.

Ibu Sheikh Abdullah Basmeih telah meninggal dunia semasa beliau berumur kurang dari dua tahun. Selepas itu beliau dijaga dan dibesarkan oleh ibu saudara beliau Khadijah Hammad². Khadijah Hammad dipanggil beliau sebagai “ ‘ammati wa khalati” iaitu yang bermaksud ibu saudara sebelah bapaku dan ibu saudara sebelah ibuku kerana beliau mempunyai hubungan kekeluargaan dengan kedua-dua belah pihak iaitu di pihak ayah dan ibu Sheikh Abdullah Basmeih³.

Sheikh Abdullah Basmeih hanya mempunyai dua orang adik beradik lelaki sebapa iaitu Sheikh Said dan Sheikh Salim. Kedua-duanya adalah hasil daripada perkongsian hidup Sheikh Muhammad Basmeih dengan wanita Melayu (isteri kedua) yang bernama Yang Chik binti Haji Kesah yang berasal dari Kampung Sungai Kertah Pengkalan Balak, Melaka⁴ yang dinikahinya ketika berulang alik ketanah Melayu menguruskan jemaah haji Malaysia.

3- Pendidikan

Sheikh Abdullah Basmeih adalah seorang tokoh ilmuwan terulung namun sejarah pendidikannya tidaklah sepertimana kebanyakan ulama' lain. Pendidikan awal Sheikh bermula semasa beliau kecil lagi iaitu semasa berada di Mekah al-Mukarramah. Semasa di sana beliau telah sempat belajar di Suq al-Layl. Beliau telah dihantar oleh ayah beliau untuk belajar agama di masjid Mekah semasa berumur 7

¹ Lihat Wan Ramizah binti Hasan, Sumbangan Sheikh Abdullah Basmeih dalam Bidang Tafsir: Kajian Khusus Terhadap kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman, Tesis MA, University Malaya, Kuala Lumpur, 2000, hlm:112.

² Khadijah Hammad cukup dikenali di kampung kerana sering diundang untuk bersyair di majlis-majlis perkahwinan. Beliau tidak berumahtangga dan telah mengambil seorang anak angkat untuk dibela setelah Sheikh telah dibawa ayahnya ke Melaka. Beliau meninggal dunia pada tahun 1982 dan ahanya diketahui Sheikh ketika berkunjung ke Mekah pada tahun 1990.

³ Ibid.

⁴ Ibid.

tahun¹. Pembelajaran beliau ini hanyalah sekejap sahaja kerana semasa beliau berumur 12 tahun ayah beliau telah membawa beliau bersama berhijrah ke Malaysia di Pengkalan Balak Melaka. Bermula dari perpindahan itu, beliau telah dididik mengikut suasana masyarakat tempatan pada masa itu. Ini bermakna beliau ini sempat mempelajari ilmu agama di Mekah lebih kurang empat tahun sahaja. Kesimpulannya, pendidikan asas yang didapati sewaktu berada di Mekah serta penguasaan yang baik dalam bahasa arab adalah kunci sebenar kepada kejayaannya menterjemah sebahagian besar artikel-artikel dan kitab-kitab arab yang berbahasa arab².

Beliau telah dimasukkan ke sekolah Melayu Pengkalan Balak Melaka dan telah belajar sehingga lulus darjah empat³. Hasil daripada persekolahan dan persekitaran yang baik telah membolehkan beliau untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Selepas daripada itu beliau tidak dapat meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi disebabkan masalah kewangan. Walaubagaimanapun beliau tetap gigih menimba ilmu dengan berusaha membaca sendiri antaranya Majalah Guru, hasil-hasil karangan pendita Zaaba dan sebagainya⁴. Beliau sendiri turut menyebut bahawa guru-guru beliau adalah buku-buku dan kemahuan yang mendalam.⁵

4- Perkerjaan

Sheikh Abdullah Basmeih adalah seorang yang gigih. Sejak kematian ayah beliau, beliau telah bertanggungjawab untuk berusaha mencari rezeki bagi meringankan beban ibu tiri beliau walaupun pada masa

¹ Lihat Wan Ramizah, 2000, op.cit, hlm: 112.

² Utusan Zaman, 9 Disember 1972, hlm: 9.

³ Lihat Wan Ramizah, 2000, op.cit, hlm: 116.

⁴ Wan Ramizah Hasan (2000), op.cit., hlm: 117-118.

⁵ Utusan Zaman, op.cit., hlm: 9.

itu beliau masih bersekolah¹. Beliau pernah menjual nasi lemak, menoreh getah, bersawah, menjual buah dan ikan².

Selain daripada itu, Sheikh juga pernah bekerja sebagai buruh di Triang Pahang, pembantu tukang masak di kantin Sekolah Inggeris Bandar Hilir Melaka, buruh di kilang getah Belanda di Pasir Panjang, peniaga kain dan pembuat dan penjual rojak.³

Semasa beliau berniaga rojak beliau telah berjinak-jinak dengan dunia penulisan. Artikel beliau pernah tersiar dalam akhbar Warta Malaya. Kebolehan beliau ini disedari oleh pengarang akhbar Utusan Melayu Haji Mohammad Dahlan Masood (Hamdan). Beliau telah memberi kepercayaan kepada Sheikh untuk menterjemah rencana-rencana agama daripada Majalah al-Musawwar untuk dimuatkan ke dalam Utusan Melayu. Selepas itu beliau terus serius berkecimpung di dalam dunia penulisan dan penterjemahan. Beliau pernah bekerja dengan Syarikat Qalam Press dan Syarikat Utusan Melayu⁴. Beliau juga pernah bekerja sebagai penulis dan penterjemah bebas⁵.

5- Perkahwinan

Pada tahun 1937, Sheikh telah berhijrah ke Singapura setelah merasai kurang selesa berkerja di Melaka. Di Singapura beliau berkerja sebagai buruh di salah sebuah kilang getah Belanda di pasir panjang dengan mendapat gaji 12 ringgit sebulan. Setelah jemu menjadi buruh beliau telah mencuba nasibnya dalam bidang perniagaan dengan menjaja kain dari rumah ke rumah berbekalkan modal 40 ringgit yang diberikan oleh ibu tirinya, Yang Chik binti haji Kesah⁶. Di Singapura seorang ahli perniagaan di Geylang Road, Haji Ali bin Mohd tahir telah banyak membantu dan membimbing Sheikh dalam bidang perniagaan. Melihat kepada ketekunan dan

¹ Ibid. Lihat juga Berita Minggu, 29 April 1984, hlm: 12.

² Jaafar Abdul Rahim, (1979), "Tokoh Bulan Ini, Sheikh Abdullah Basmeih Pengarang Yang Tidak Pandai Menaip", Majalah Dewan Siswa, Julai 1979, hlm: 5.

³ Jaafar Abdul Rahim (1979), *op.cit.*. Lihat juga Kertas Kerja Biodata, *op.cit.*, hlm: 2.

⁴ Ibid.

⁵ Ibid.

⁶ Lihat Majalah Dewan Siswa, *op.cit.*, hlm: 4.

kesungguhan pemuda ini Haji Ali telah mengajaknya tinggal di rumahnya. Pada tahun 1939, beliau mendirikan rumahtangga dengan anak haji Ali yang bernama Hajah Hawa Puteh¹. Umur Sheikh ketika itu lebih kurang 26 tahun, sementara umur Hajah Hawa baru berusia 16 tahun iaitu sepeluh tahun lebih muda dari Sheikh. Hasil perkongsian hidup dengan Hajah Hawa, Sheikh telah dikurniakan 23 orang anak namun yang hidup hanyalah 14 orang iaitu 6 lelaki dan 8 perempuan. Apabila ditanyakan kepada Sheikh tentang ramainya anak, beliau menjawab: “Yang penting ialah ramai anak melalui seorang isteri, bukan ramai anak yang dihasilkan melalui empat isteri².” Setelah hidup bersama selama 49 tahun Hajah Hawa terlebih dahulu kembali kerahmatullah meninggalkan Sheikh pada tahun 19 Julai 1987. Namun demikian Sheikh tidak sampai setahun menduda, malahan selang beberapa bulan telah mendirikan rumahtangga dengan Hajah Rahmah binti Abu Taib³. Mereka berdua telah diijab kabulkan pada 8 Februari 1988⁴. Namun hasil perkongsian hidup bersama, mereka berdua tidak dikurniakan anak. Walaupun demikian, anak-anak Sheikh dari hasil perkahwinan dengan al-Marhumah Hajah Hawa merasakan bahawa Hajah Rahmah adalah pengganti ibu mereka yang terbaik.⁵

6- Karya Sheikh Ketika Bertugas Di Malaysia

Sepanjang penglibatan Sheikh di dalam bidang penulisan, beliau telah banyak menghasilkan karya-karya yang amat berharga.

Antaranya ialah :

- i. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman
- ii. Pengertian Ayat-ayat al-Quran (naskhah jawi dan naskhah rumi)

¹ Ibid.

² Lihat Berita Minggu, 29 April, 1984.

³ Puan Hajah Rahmah binti Abu Taib merupakan anak sulung daripada empat beradik, dilahirkan pada tahun 8 September 1939(tahun perkahwinan Sheikh), lihat Tanpa Pengarang, Hajjah Rahmah Abu Taib Bersara, Berkhidmat Lebih 13 Tahun, Majalah Menara, bil: 55, Jun 1996, hlm: 46.

⁴ Lihat Wan Ramizah, op.cit., Wawancara dengan Hajah Rahmah pada 30 Mei 1998, hlm: 147.

⁵ Lihat Wan Ramizah, op.cit., Wawancara dengan Puan Siti Aishah pada 2 Januari 1999, hlm: 148.

- iii. Mukadimah Mastika Hadis
- iv. Mastika Hadis Rasulullah s.a.w (iman- tauhid)
- v. Mastika Hadis Rasulullah s.a.w (sembahyang)
- vi. Khutbah Haji *Wada*^c- Khutbah Rasulullah s.a.w.
- vii. Panduan Mengurus Jenazah
- viii. Kedudukan Masjid Dalam Islam
- ix. Sejarah Hidup Siti Aisyah (1950)
- x. Sejarah Hidup Abu Bakar al-Siddik (1951)
- xi. Sejarah Hidup Nabi Muhammad (1952-1953)
- xii. Panduan Kanak-kanak Sembahyang
- xiii. Muqaddam al-Quran
- xiv. Hikayat Salahuddin al-Ayyubi

7- Karya Sheikh Ketika Bertugas Di Qalam Press, Singapura (1950- 1962)

Kebolehan Sheikh turut menaraik perhatian Syed Abdullah Hamid Al-Idrus, tuan punya penerbitan Qalam. Di sini Sheikh telah ditawarkan jawatan sebagai Pembantu Pengarang untuk majalah bulanan agama penerbitan Qalam. Dalam tempoh dua belas tahun Sheikh bertugas di Qalam Press beliau telah berjaya menterjemahkan lebih daripada 30 buah buku meliputi riwayat hidup Rasulullah s.a.w, isteri-isteri baginda, puteri-puteri baginda dan juga sahabat-sahabat baginda. Antara karya beliau yang dapat dijejaki ialah¹:

- i. Sejarah Hidup Siti Aisyah- Isteri Nabi SAW (2 Penggal- 1950)
- ii. Sejarah Hidup Baginda Ali (2 Penggal- 1950)
- iii. Sejarah Hidup Abu Bakar al-Siddiq (2 Penggal- 1951)
- iv. Sejarah Hidup Nabi Muhammad s.a.w (4 Penggal- 1952)
- v. Perempuan Islam (1952)

¹ Tanpa pengarang, Kertas Kerja Biodata Sheikh Abdullah Basmeih bin Mohd Basmeih, t.t, Kuala Lumpur, JAKIM, lihat juga, Jaafar Abdul Rahim, Tokoh Bulan Ini, Sheikh Abdullah Basmeih Pengarang Yang Tidak Pandani Menaip, Majalah Dewan Siswa, Julai, 1979, hlm: 5, lihat juga, Ahmad Idris, Abdullah Bameih Wartawan Ganas? Majalah Qiblat, Oktober, 1975, hlm: 4

- vi. Perempuan Dan Pilihanraya- Fatwa Ulama al-Azhar (1952)
- vii. Puteri Sepanyol (2 Penggal- 1952)
- viii. Sejarah Hidup Umar bin Al-Khattab (4 Penggal)
- ix. Sejarah Hidup Uthman bin Affan (2 Penggal – 1953)
- x. Sejarah hidup Saidina Husein Di Padang Karbala (2 penggal- 1953)
- xi. Berjihad Pada jalan Allah – diterjemah bersama rakan (1953)
- xii. Allah jalla Jalaluhu- Tauhid (1953)
- xiii. Qadha dan Qadar – Menurut Sayyid Jamal al-Din al-Afghaniy (1953)
- xiv. Taasub – Menurut Pandangan Syeikh Muhammad Abduh (1953)
- xv. Kesatuan Hukum-hukum Islam (1953)
- xvi. Wakil Rakyat Dalam Islam – diterjemah bersama rakan (1953)
- xvii. Sejarah hidup Bilal Tukang Bang Rasulullah s.a.w (1955)
- xviii. Puteri-puteri Nabi (1957)
- xix. Sejarah hidup Khalid al-Walid (1957)
- xx. Isteri-isteri Nabi (1958)

8- Anugerah Dan Bintang Kebesaran

Sumbangan dan khidmat Sheikh tidak dapat disangkal, hal ini sangat termaklum di kalangan umat Islam di Malaysia. Seorang yang sangat komited dengan ilmu pengetahuan, kebanyakan masanya dihabiskan dengan menulis dan menterjemah kitab-kitab agama yang menjadi rujukan asas umat Melayu pada ketika itu, dan sehingga sekarang kitab-kitab karangan Sheikh menjadi bacaan dan rujukan umat Islam terutamanya di Malaysia. Lebih-lebih lagi kejayaan beliau menterjemahkan al-Quran al-Karim. Lalu, bagi mengenang semua apa yang disumbangkan oleh Sheikh kepada agama dan negara maka beliau dianugerahkan beberapa bintang kebesaran, antaranya ialah pingat Ahli Mangku Negara (AMN) oleh yang dipertuan Agong

TuanKu Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibn Al-Marhum Sultan Badlishah, Yang Dipertuan Agong Kelima pada tahun 1973¹. Manakala pada tahun 1989 pula, Sheikh telah dianugerah pingat Kesatria Mangku Negara (KMN) dari Yang Dipertuan Agong ketika itu ialah al-Mutawakkil cAlallah Sultan Iskandar². Pada tahun 1994, sekali lagi Sheikh menerima pingat anugerah Johan Mangku Negara (JMN)daripada al-Marhum TuanKu Ja'afar di Istana Negara³. Sheikh juga telah dianugerahkan sebagai Tokoh Maal Hijrah 1415 bersamaan 1994 peringkat Wilayah Persekutuan⁴.

9- Kewafatan

Sheikh telah kembali ke rahmatullah pada 14 Julai 1996 di rumah beliau yang terletak di Jalan Enggang Selatan, Taman Keramat. Pada ketika itu beliau berumur 84 tahun⁵. Sesungguhnya pemergian beliau merupakan satu kehilangan yang amat besar kepada negara kita lebih-lebih lagi apabila mengenangkan sumbangan beliau sebagai penterjemah al-Qur'an.

BAHAGIAN B : METODE SHEIKH ABDULLAH BASMEIH DI DALAM KITAB MASTIKA HADIS

1- Pengenalan Kitab

Selain dari menterjemahkan al-Quran al-Karim, serta buku-buku bahasa arab yang lain Sheikh juga telah diminta oleh kerajaan untuk mensyarahkan hadis-hadis Rasulullah SAW dan siri-siri hadis yang dipilih dan disyarahkan oleh Sheikh diberi nama Mastika Hadis Rasulullah SAW Usaha menterjemah hadis adalah suatu yang sangat sukar, kerana hadis-hadis ini perlu dipilih terlebih dahulu sebelum kerja-kerja terjemahan dibuat. Arahan bagi menyiapkan kitab hadis ini dibuat oleh Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu Tun Abdul

¹ Majalah Dakwah, op. cit., hlm: 4-5.

² Ibid. hlm: 5.

³ Utusan Malaysia, 31 hb. Ogos 1994, hlm:

⁴ Ibid. lihat juga Tanpa Pengarang, Syeikh Abdullah Basmeih Tokoh Maal Hijrah 1415, Majalah Menara, bil. 49, September 1994, hlm: 8-9.

⁵ Utusan Melayu, 15 Julai 1996, hlm:

Razak bin Datuk Husain, agar diterbitkan sebuah buku hadis yang mengandungi pilihan-pilihan hadis yang sesuai sebagai bahan bacaan masyarakat di negara ini. Terdapat tiga jilid yang sempat disiapkan oleh Sheikh, manakala jilid keempat beliau hanya sempat mengumpulkan hadis-hadis yang berkaitan dengan ibadat haji tetapi tidak sempat menyiapkannya. Dalam jilid yang pertama beliau telah sertakan dengan muqadimah bagi Mastika Hadis, dengan memulakan penyusunan hadis-hadis yang berkaitan dengan istilah ilmu hadis, takrif hadis Nabi s.a.w dan hadis qudsi serta perbezaannya, turut membincangkan secara ringkas mengenai bahagian hadis dan kategorinya. Jilid pertama telah difokuskan dalam memuatkan hadis-hadis yang berkaitan dengan iman. Manakala jilid kedua mengandungi hadis-hadis yang secara khusus membincangkan solat yang menjadi tiang agama. Adapun jilid ketiga mengandungi hadis-hadis Nabi SAW yang berhubung dengan ibadat puasa, zakat dan sedekah. Ketiga-tiga jilid mastika hadis menjadi wahana kepada pembangunan kualiti hidup umat Islam, lebih-lebih lagi di dalam memahami dan menghayati Islam¹.

2- Fiqh Penyusunan Tajuk Dalam Mastika Hadis

Setiap kitab hadis yang dikarang oleh para ilmuan dan pakar dalam bidang hadis sudah pasti akan menyusun kitab mereka mengikut manhaj yang tertentu bagi memperlihatkan pendekatannya dalam menyampaikan hadis-hadis Rasulullah SAW secara tersusun dan mudah difahami oleh pembaca. Cara penyusunan itu, sebenarnya mencerminkan pemahaman mereka terhadap hadis-hadis yang mereka kumpulkan dalam kitab mereka. Imam Bukhari umpamanya terkenal dengan fiqhnya dalam menyusun kitab dan bab dalam sahihnya, begitunya dengan imam Muslim, serta *ashab al- kutub al-Sittah* dan selain dari mereka juga mempunyai pendekatan yang sama tapi tidak serupa.

Sepanjang penelitian terhadap kitab Mastika Hadis penulis dapati Sheikh Abdullah Basmeih telah menyusun bab-bab dan tajuk-tajuk

¹ Sheikh Abdullah Basmeih dan rakan, muqadimah Jilid: 1, tanpa halaman.

kecil di dalam setiap bab mengikut urutan yang mengikut urutan yang mudah difahami. Penyusunun ini juga adalah hasil selepas diambil kira keadaan masyarakat serta keperluan semasa. Jika ditinjau metode penyusunan Sheikh Abdullah Basmeih ianya bermula dengan memberi tajuk bab, kemudian disusuli dengan menterjemahkan bab samada dengan terjemahan ayat al-Quran atau terjemahan hadis Rasulullah SAW. Metode ini sangat mirip kepada metode Imam al-Bukhari di dalam sahihnya. Contohnya dalam bab yang pertama selepas memberi tajuk Sheikh Abdullah Basmeih membawa terjemahan ayat-ayat suci al-Quran. Misalnya dalam bab pertama jilid 1;

Sebenar-benar Perkataan Dan Sebaik-baik Jalan Pimpinan,

Firman Allah SWT, maksudnya: “ ... dan siapakah yang lebih benar perkataanya daripada Allah?...”¹

*“ Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu kitab suci al-Quran...”*²

*“...dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tetap memimpin kejalan yang lurus.”*³

*“ Dialah yang telah mengutus rasul-Nya (Muhammad) dengan membawa hidayah petunjuk dan agama yang benar (Agama Islam)...”*⁴

Setelah itu barulah disusuli dengan hadis Rasulullah s.a.w. dalam bab dan disyarahkan dengan terperinci. Manhaj Sheikh dalam menghuraikan satu-satu hadis bab sangat menarik, seolah-olah beliau menyusun satu bentuk pedagogi pengajian yang mesra

¹ al-Nisa: 87

² al-Zumar: 23

³ al-Shura': 52

⁴ al-Fath: 28

dengan setiap lapis masyarakat. Menyelusuri metode Sheikh dalam Mastika Hadis ada lima peringkat seperti berikut;

- i- Terjemahan bab dengan ayat suci al-Quran
- ii- Hadis bab
- iii- Kandungan hadis
- iv- Huraian setiap kandungan
- v- Lampiran (jika perlu maklumat tambahan) contohnya, lampiran alif penulisan hadis Rasulullah SAW¹.

Pendekatan yang sebegini akan menjadikan pembaca dan yang mempelajari kitab ini secara bertalaqqi² akan terpandu dan terarah maklumat yang dibaca dan yang dipelajari, dengan demikian ilmu yang diterima akan membentuk pemahaman yang tuntas³.

3- Rujukan

Sheikh Abdullah Basmeih telah merujuk beberapa buah kitab hadis yang utama yang berkaitan bagi memastikan sumber rujukan yang benar-benar sahih dalam bidang hadis. Kelaziman seorang pengarang yang sentiasa mengambil berat mengenai kesahihan pendapat dan fakta pasti akan berhati-hati dalam mengeluarkan pandangan dan pendapat lebih-lebih lagi dalam dalam tulisan. Ini kerana apa yang dinukilkan dalam tulisan akan menjadi hujjah dan pengagangan, orang Islam apatah lagi pendapat itu berkaitan dengan ibadat. Justeru, bagi memastikan isi kandungan serta huraian hadis yang menepati kehendak atau hampir kepada kehendak dan maksud yang ingin disampaikan oleh Nabi SAW, maka hendaklah benar-benar dipastikan sumber rujukannya. Untuk itu, Sheikh telah merujuk kitab-kitab hadis yang muktabar sebelum membuat ulasan dari beliau. Usaha ini adalah semata-mata menjaga keharmonian sabda Nabi s.a.w dari disalah erti atau salah tafsir. Penulis mendapati Sheikh menggunakan rujukan yang berbeza dalam setiap jilid menghurai

¹ Lihat Sheikh Abdullah Basmeih, Mastika Hadis, JAKIM, Putrajaya, 2007, jld: 1, hlm: 13.

² Mengaji kitab secara berguru, guru membaca hadis dan mensyarahkan hadis anak murid mengikuti bacaan dan syarahan guru melalui kitab.

³ Maksud Tuntas ialah, menyeluruh, sempurna, komprehensif, ia jua bermaksud; singkat dan tegas.

hadis-hadis Nabi SAW. Contohnya dalam menyiapkan Muqaddimah Mastika Hadis di dalam jilid pertama sebanyak 42 dua hadis yang disyarahkan beliau telah merujuk sebanyak 26 kitab-kitab hadis yang muktabar¹.

Bil	Judul kitab	Pengarang
1	Sahih al-Bukhari	Muhammad bin Ismail al-Bukhari
2	Fath al-Bari	Ibn Hajar al- ^ʿ Asqalani
3	Irsyad al-Sari	Shihab al-Din al-Qathalani
4	^ʿ Umdah al-Qari	Badr al-Din al- ^ʿ Aini
5	Hidayah al-Bari	^ʿ Abd al-Rahim ^ʿ Anbar al-Thahthawi
6	Sahih Muslim	Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi
7	Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawi	Muhy al-Din al-Nawawi
8	Al-Lu'lu' Wa al-Marjan Fima Ittafaqa ^ʿ Alaih al-Syaikhhan	Muhammad Fuad 'Abdul Baqi
9	Zad al-Muslim Fima Ittafaqa ^ʿ Alaih al-Bukhari Wa Muslim	Muhammad Anuar bin Anuar al-Syanqithi
10	Fath al-Mulhim	Syabir Ahmad al-Dyubandi al- ^ʿ Uthmani
11	Jami ^ʿ al-Tirmidzi	Al-Tirmidzi
12	Tuhfah al-Ahwazi	Abu al- ^ʿ Ali Muhammad 'Abd al-Rahman al-Mubarakfuri
13	Sunan Abi Daud	Abu Daud
14	^ʿ Aun al-Ma ^ʿ bud	Muhammad Syams al-Haq al- ^ʿ Azim Abadi
15	Sunan al-Nasaey	Abu ^ʿ Abd al-Rahman al-Nasaey
16	Sunan Ibn Majah	Ibn Majah
17	Al-Muwatta	Malik bin Anas
18	Tanwir al-Hawalik	Jalal al-Din al-Suyuti
19	Al-Musnad	Ahmad bin Hanbal
20	Misykah al-Masabih	Wali al-Din al-Tibrizi
21	Mirqah al-Mafatih	^ʿ Ali bin Sultan Muhammad al-Qari
22	Al-Taj al-Jami ^ʿ Li al-Usul	Mansur ^ʿ Ali Nasif
23	Faidh al-Qadir Syarh al-Jami ^ʿ al-Saghir	Al-Munawi
24	Al-Arba ^ʿ in al-Nawawiyyah	Muhy al-Din al-Nawawi
25	Syarh Al-Arba ^ʿ in	Ibn al-Hajar al-Mahthami
26	Syarh Al-Arba ^ʿ in	Ibn Rejab

Selain itu ada kitab-kitab yang lain yang menjadi rujukan Sheikh seperti berikut;

1	Al-Zawajir	Ibn Hajar al- ^ʿ Asqalani
2	Is'af Ahl al-Iman	Hasan Myishat
3	Tahzhib al-Furuq	^ʿ Ali Malikiy
4	Ihya' ^ʿ Ulum al-Din	Imam al-Ghazaliy

¹ Sheikh Abdullah Basmeih, Mastika Hadis, jld: 1, hlm: tanpa halaman.

Sebanyak 30 buah karya primeir telah dirujuk oleh Sheikh demi memastikan maklumat yang disampaikan adalah pandangan dan pendapat muktabar dari kalangan jumbuh ulama muktabar. Selepas membaca dan memahami kitab Mastika Hadis sebanyak 3 jilid penulis mendapati bahawa rujukan bagi setiap jilid dalam Mastika Hadis ada perbezaan dan penambahan. Apa yang telah dipraktikkan oleh Sheikh ialah bagi jilid pertama di dalam muqadimah beliau telah menggunakan 30 rujukan, manakala dalam jilid yang pertama sebanyak 46 buah kitab utama telah dijadikan sebagai rujukan yang meliputi kitab-kitab hadis, kitab-kitab tafsir dan kitab-kitab akidah. Di dalam jilid yang kedua yang terfokus kepada perihal taharah dan solat Sheikh telah merujuk sebanyak 45 buah kitab yang merangkumi kitab-kitab tafsir, hadis, feqah dan tasau¹. Manakala jilid ketiga yang membincangkan persoalan puasa, zakat dan sedakah Sheikh telah merujuk kepada 39 buah buku yang merangkumi kitab-kitab tafsir, hadis, feqah dan tasau².

4- Keistimewaan Kitab Mastika Hadis

Kitab Mastika Hadis yang telah diusahakan penulisannya oleh Sheikh Abdullah Basmeih dengan sokongan kuat dari Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri ada keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri dari sudut susunan, huraian dan kupasan. Lebih-lebih lagi belum ada sebuah kitab hadis yang seumpamanya pada masa itu. Pendekatan yang digunakan oleh Sheikh adalah pendekatan yang sesuai dengan segenap lapisan masyarakat yang dahagakan ilmu agama. Penjelasan-penjelasan mengenai hukum sesuatu masalah juga diperjelaskan dengan begitu baik dan mudah difahami. Sehingga setiap cetakannya pasti mendapat sambutan yang laur biasa dan diulang cetak bebarapa kali. Apa yang menariknya lagi ialah apabila kitab itu masih menjadi kitab pengajian di kebanyakan masjid di negara ini. Justeru, melihat dan meneliti kelebihan dan keistimewaan kitab-kitab Mastika Hadis adalah sangat perlu demi memastikan kitab ini terus didampingi kaum muslimin bagi menambahkan pengetahuan dan penghayatan terdahad agama Islam.

¹ Sheikh Abdullah Basmeih, Mastika Hadis, jld: 2, hlm: tanpa halaman (helaian rujukan hadapan)

² Sheikh Abdullah Basmeih, Mastika Hadis, jld: 2, tanpa halaman.

i- Muqaddimah Mastika Hadis dan Jilid Pertama

Muqaddimah Mastika Hadis telah diterbitkan pada 1973 sempena Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Ia diusahakan oleh Sheikh bersama dengan Dato' Haji Muhammad Noor Haji Ibrahim dan Tuan Haji Ismail bin Haji Yusof¹. Hadis-hadis yang terhimpun di dalam muqaddimah ini ialah sebanyak 42 hadis, disusun dalam 10 bab dengan harapan akan menjadi asas bagi hadis yang akan disusun dalam jilid-jilid akan datang. Di dalam bab pertama Sheikh dan rakan-rakannya telah membincangkan kedudukan sabda Nabi s.a.w yang dalam syariat Islam. Bab pertama ini dijudulkan dengan "Sebenar-benar Perkataan Dan Terbaik Jalan Pimpinan". Turut dibincangkan dalam bab ini ialah sejarah penulisan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Bab kedua telah dibincangkan mengenai kewajipan berpegang teguh kepada kitab Allah dan jalan pimpinan Rasulullah s.a.w. di dalam bab ini telah dibincangkan kewajipan berpegang kepada al-Quran yang menjadi rujukan utama umat Islam. Manakala dalam bab yang ketiga Sheikh dan rakan telah memperhaluskan huraian mengenai agama yang benar-benar diredai Allah ialah Islam. Seterusnya di dalam bab yang yang keempat telah diteruskan perbincangan mengenai kelebihan agama Islam. Manakala dalam bab yang berikutnya, iaitu bab yang kelima telah diuraikan rukun-rukun tiang agama yang meliputi persoalan iman, Islam dan ihsan. Di dalam bab yang keenam iman dan Islam menjadi tumpuan perbincangan bagi mencapai iman dan Islam yang sempurna. Bab ketujuh membincangkan kewajipan menuntut ilmu agama dan kelebihannya. Bab kelapan pula menfokuskan kewajipan menyampaikan ilmu agama dan kelebihannya. Bab kesembilan membincangkan kewajipan bersikap ikhlas dalam menuntut ilmu dan dalam mengerjakan sesuatu amal ibadat atau taat. Manakala di dalam bab yang terakhir, bab yang kesepuluh, mengajak setiap orang muslim agar membetulkan niat ini kerana nilai segala amalan adalah berdasarkan niat. Jelasnya, Sheikh dan rakan-rakannya telah meletakkan satu asas yang sangat penting di dalam beragama dengan memuatkan bab-bab yang menjadi tunjang utama kepada

¹ Sheikh Abdullah Basmeih, Mastika Hadis, Muqaddimah dan Jilid 1, hlm: 5-6.

ajaran agama Islam. Kegagalan seseorang muslim memahami tuntutan-tuntutan yang asas penyariatannya dari al-Quran dan sunnah yang telah dibincangkan dalam muqaddimah, akan memberi impak yang negatif dalam memahami Islam dan segala tuntutanannya.

Mastika Hadis jilid pertama mengandungi hadis-hadis yang berkaitan dengan iman atau ilmu tauhid. Ianya juga dihasilkan oleh Sheikh bersama dengan Datuk Haji Muhammad Noor dan Tuan Haji Ismail bin Yusof. Memandangkan jilid pertama menjadi tunjang kepada jilid-jilid berikutnya maka dalam muqaddimah jilid pertama ini mereka telah mengakui bahawa usaha mengumpul dan mensyarahkan hadis-hadis Rasulullah s.a.w bukanlah suatu yang mudah lebih-lebih lagi mereka bukan dari kalangan ahli dalam bidang hadis. Namun demikian mereka tidak mahu menyerah kalah sebelum berusaha ke arah itu. Memetik kata-kata mereka dalam muqaddimah:

“ kami sedar akan ceteknya kebolehan kami, khasnya dalam ilmu hadis Rasulullah s.a.w yang amat luas itu, meskipun demikian, kami beranikan juga diri kami dengan memasukinya dengan kaut bertawakkal kepada Allah serta memohon limpah taufik dan hidayah daripada Allah azza wa jalla¹”

Dalam jilid ini juga turut dijelaskan metode pengumpulan hadis. Hadis-hadis yang terkandung di dalam kitab Mastika Hadis ini mulanya dikumpulkan setelah itu diterjemahkan dan diikuti pula dengan huraian-huraian maksudnya, dengan berpandukan kitab-kitab huraian hadis dan pendapat-pendapat ulama yang difikir sesuai dengan keadaan masyarakat tanah air ini

ii- Mastika Hadis Jilid 2 (Ibadah)

Setelah muqaddimah dan jilid satu mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari masyarakat Islam di Malaysia, maka jilid serusnya telah dapat disiapkan dalam bulan Disember 1983 dan dicetak pada Januari 1984. Berlainan daripada yang sebelumnya, jilid kedua ini

¹ Sheikh Abdullah Basmeih, Mastika Hadis Rasulullah s.a.w (edisi jawi), 2007, JAKIM, Putrajaya, cet:1, jld: 1, tanpa halaman.

dusahakan oleh Sheikh seorang diri. Walau bagaimanapun kitab ini disemak dan disahkan oleh S.S Tan Sri Dato Sheikh Abdul Muhsin al-Haj Saleh, Mufti Wilayah Persekutuan waktu itu. Ia dimulakan dengan kata-kata aluan oleh YAB Dato' Seri Mahatir Muhammd Perdana Menteri pada ketika itu. Di dalam kata-kata aluan YAB Perdana Menteri telah menzahirkan keperluan umat Islam kepada kitab syarahan hadis seperti Mastika Hadis ini di Malaysia bagi mempertingkatkan kefahaman yang sebenar. Di antara perkara yang penting lain yang disebut oleh YAB Perdana Menteri ialah kelak Mastika Hadis ini akan menjadi sebuah Inseklopedia hadis yang julung kali diterbitkan dalam bahasa Malaysia. Beliau turut menekankan usaha menerbitkan hadis-hadis Rasulullah s.a.w adalah bagi mengembangkan ilmu pengetahuan dengan jalan membasmi buta huruf dan buta agama¹.

Jilid kedua Mastika Hadis telah diterbitkan pada tahun 1984 manakala jilid pertama pada tahun 1973, ini bermakna setelah sebelas tahun barulah terhasilnya jilid kedua. Pada asalnya Sheikh Abdullah Basmeih bercadang mengumpulkan hadis-hadis yang berkaitan dengan hukum-hukum syarak yang meliputi, ibadah, muamalah (jual beli), munakahat, jenayah dan lain-lain soal masyarakat. Malangnya tidak dapat dikumpulkan kerana Sheikh dapati perbincangannya terlalu luas². Oleh yang demikian Sheikh hanya menghimpun dan menghurai hadis-hadis yang berkaitan dengan taharah yang menjadi kunci solat, dan membincang secara terperinci mengenai solat. Sheikh merancang untuk memuatkan hadis-hadis yang berkaitan dengan muamalah, munakahat dan jenayah di dalam jilid yang ketiga, tetapi ini tidak berlaku, apa yang dilakukan ialah jilid ketiga membincangkan ibadah puasa, zakat dan sedekah sahaja. Sheikh juga bercadang untuk menghimpun hadis-hadis yang berhubung dengan Ihsan (akhlak dan asuhan budi). Namun, Sheikh hanya sempat menyiapkan jilid yang ketiga sahaja³.

¹ Lihat Sheikh Abdullah Basmeih, Mastika Hadis, jld: 2, hlm: 4.

² ibid

³ ibid

Bagi menyiapkan kitab Mastika Hadis jilid kedua ini Sheikh telah merujuk 4 kitab tafsir yang muktabar, 19 buah kitab hadis, 17 kitab feqah yang kebanyakannya dari mazhab al-Syafiey dan kitab-kitab yang lain 5 buah. Sebanyak 260 hadis yang telah dimuatkan dalam jilid kedua ini, ini tidak termasuk dengan terjemahan hadis-hadis yang menyokong kepada hadis dalam bab atau hadis dalam tajuk-tajuk kecil¹.

Di dalam jilid kedua juga, Sheikh telah memulakan dengan pendahuluan dengan membicarakan Islam dan hukum-hukumnya. Di dalam pendahuluan ini beliau telah menjelaskan sumber hukum dalam Islam, pembahagiannya serta pengertian ibadah yang sebenarnya. Dengan pendekatan ini para pembaca dan pengkaji dapat meletakkan asas yang betul dan jelas sebelum perbincangan mengenai ibadah solat. Seterusnya, Sheikh telah memulakan bab satu dengan tuntutan kebersihan dan kesucian dalam Islam. Bab satu ini disusuli dengan 5 tajuk yang bersangkutan-paut dengan kebersihan, bermula dengan jenis-jenis air, jenis-jenis najis, perihal wudu, perihal mandi wajib, bertayammum dan perkara-perkara yang berkait dengannya. Manakala dalam bab kedua, iaitu bab Perihal Solat dan dibawah bab utama ini dimuatkan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan solat, termasuklah persoalan yang berkaitan dengan azan, rukun-rukun solat, perkara-perkara sunat dalam solat, solat-solat sunat, sujud tilawah dan sujud syukur, sujud sahwi, perkara yang membetalkan solat, kedudukan masjid dalam Islam, solat berjemaah dan hukum-hukum berkaitan dengannya, solat musafir, solat jumaat, solat jenazah dan perkara-perkara yang berhubung dengan pengekebumian, hukum talqin dan perkara yang berhubung dengan kubur².

iii- Mastika Hadis Jilid 3

Kitab Mastika Hadis jilid ketiga telah disiapkan pada Jun 1995 bersamaan Muharram 1416 dan dicetak dalam edisi rumi pada tahun 1997. Ia juga diusahakan oleh Sheikh seorang diri. Selain daripada

¹ Ibid

² Lihat Sheikh Abdullah Basmeih, Mastika Hadis, jld: 2.

ayat-ayat al-Quran yang menjadi dalil-dalil asas, Sheikh juga memuatkan hadis yang menjadi penterjemah bagi al-Quran sebanyak 191 buah hadis yang disertakan dengan makna dan huraian¹. Turut dimuatkan sejumlah terjemahan hadis bagi menguatkan dan menyokong hujah-hujah yang dikemukakan dalam satu-satu bab atau topik. Setiap hadis diterangkan darjatnya dan disertakan dengan kitab rujukan. Sebanyak 39 buah kitab yang muktabar dijadikan rujukan, 3 buah kitab tafsir, 22 buah kitab hadis dan 9 buah kitab fiqh dan selebihnya adalah kitab-kitab yang lain. Bab pertama telah dibincangkan padanya perihal puasa bulan ramadhan, kelebihan bulan ramadhan, masalah rukyah, rukun-rukun puasa dan syarat-syaratnya serta sunat-sunatnya, perkara yang membatalkan puasa, hari yang dilarang berpuasa padanya, hukum puasa orang sakit dan orang musafir, puasa sunat, solat terawih dan kelebihannya, malam lailah al-Qadar, hari raya aid al-Fitri². Manakala dalam bab yang kedua Sheikh telah membincangkan perihal zakat, kedudukan zakat, jenis-jenis harta yang diwajibkan zakatnya, zakat fitrah, orang yang menerima zakat, kelebihan sedekah dan khairat³.

5- Perangkaan Penggunaan Buku Mastika Hadis Dalam Kelas Pengajian Hadis Di Masjid-Masjid Di Negeri Selangor

Sebanyak 36 buah masjid (9.55%) daripada keseluruhan 377 masjid di negeri Selangor melaporkan ada menggunakan buku Mastika Hadis sebagai buku rujukan kelas pengajian Hadis mereka. 30 buah masjid menjadikannya sebagai silibus utama mereka, 5 buah masjid sebagai alternatif kedua mereka dan hanya 1 buah masjid sebagai alternatif ketiga.

Ia pilihan ramai yang ketiga tertinggi selepas buku Hadis 40 (di 88 buah masjid) dan Riyadh al-Salihin (di 41 buah masjid) bagi kategori silibus pilihan yang utama dan Riyadh al-Salihin (di 10 buah masjid),

¹ Lihat Sheikh Abdullah Basmeih, Mastika Hadis, jld:3, hlm: 4.

² Ibid

³ Ibid

Hadis 40 (di 8 buah masjid) manakala Mastika Hadis (di 5 buah masjid) bagi kategori silibus alternatif kedua¹.

KESIMPULAN

Harimau mati meninggalkan belang manusia mati meninggalkan nama, tetapi Sheikh Abdullah Basmeih bukan sekadar meninggalkan nama malahan telah meninggalkan khazanah ilmu bagi umat Islam di Malaysia. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran dan Kitab Mastika Hadis telah melonjakkan nama Sheikh sebagai seorang tokoh sarjana Islam yang disegani ramai. Kitab Mastika Hadis yang telah diusahakan oleh Sheikh telah menjadi rujukan dan bacaan dari awal cetakan pertama pada tahun 1973 sehingga ke hari ini. JAKIM turut memainkan peranannya dalam menjaga kualiti kitab Mastika Hadis dengan mengedit ejaan, susun ayat serta pengeditaan ejaan jawi baru. Tanggungjawab mencetak dan mengedar buku ini digalas oleh JAKIM.

Memandangkan Sheikh hanya sempat mengumpul dan membincangkan hadis-hadis yang berkaitan dengan puasa di dalam jilid yang ketiga, maka perlu ada usaha bagi menyempurnakan tugas yang berbaki dalam mengumpul dan membincangkan hadis-hadis yang berkaitan dengan Haji, Munakahat, Jenayah dan Muamalat. Semoga semangat keilmuan yang dimiliki oleh Sheikh dicontohi oleh ilmuan Islam pada hari ini. Berdasarkan latar belakang pendidikan Sheikh tidaklah sehebat orang di masa kini, tetapi kesungguhan dan ketekunan Sheikh telah meninggalkan jasa yang sangat besar untuk umat. Mudah-mudahan ilmu yang bermanfaat yang disumbangkan oleh Sheikh menjadi syafaat untuknya di alam barzakh. Amin.

1- Bibliografi

- 2- Noresah Baharom, *Kamus Dewan*, edisi keempat, 2005, Dawama Sdn. Bhd, Kuala Lumpur,
- 3- Syed Abdul Majid Ghouri, *Muʿjam al-Mustalahat al-Hadisyyah, Dar Ibn Kathir*, 2007, hlm: 303)
- 4- HAMKA, *Tafsir al-Azhar*, Pustaka Nasional PTE LTD, Singapura, 2007
- 5- Tanpa Pengarang, *Kertas kerja Biodata Sheikh Abdullah Basmeih*, t.t., Kuala Lumpur, JAKIM,
- 6- Wan Ramizah binti Hasan, *Sumbangan Sheikh Abdullah Basmeih dalam Bidang Tafsir: Kajian Khusus Terhadap kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman*, Tesis MA, University Malaya, Kuala Lumpur, 2000,
- 7- Utusan Zaman, 9 Disember 1972

¹ Kajian: Pengajian Hadis Di Masjid-masjid Di Negeri Selangor, INHAD. 2010.

- 8- Berita Minggu, 29 April 1984
- 9- Jaafar Abdul Rahim, (1979), *"Tokoh Bulan Ini, Sheikh Abdullah Basmeih Pengarang Yang Tidak Pandai Menaip"*, Majalah Dewan Siswa, Julai 1979
- 10- Tanpa Pengarang, Hajjah Rahmah Abu Taib Bersara, Berkhidmat Lebih 13 Tahun, *Majalah Menara*, bil: 55, Jun 1996,
- 11- Ahmad Idris, *Abdullah Bameih Wartawan Ganas?* Majalah Qiblat, Oktober, 1975,
- 12- Tanpa Pengarang, *Syeikh Abdullah Basmeih Tokoh Maal Hijrah 1415*, Majalah Menara, bil. 49, September 1994,
- 13- Sheikh Abdullah Basmeih, Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim, Haji Ismail Bin Yusof, *Muqaddimah Dan Jilid Satu Mastika Hadis*, JAKIM, Putrajaya, cet: 1, 2007.
- 14- Sheikh Abdullah Basmeih, *Mastika Hadis, jld:2*, JAKIM, Putrajaya, cet:1, 2007.
- 15- Sheikh Abdullah Basmeih, *Mastika Hadis, jld:3*, JAKIM, Putrajaya, cet:1, 2007.